



# Buletin

Rejab 1445/ Januari 2024

# ACIS

## Ibrah Perang Tabuk

Pemikiran Ibnu Khaldun  
dalam Politik

E-book Pengurusan  
Maklumat Islam

Kempen Solidariti Palestin

Cerita Rakyat  
Menyingkap Tauladan

eISSN 2600-8289



9 77 2 6 0 0 8 2 8 0 0 1

# Ibrah Perang Tabuk

Oleh:

**Dr Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Peperangan Tabuk berlaku dalam bulan Rejab tahun ke 9 Hijrah. Ia berlaku selepas peristiwa pembukaan kota Mekah. Penaklukan ini digambarkan sebagai neraca penentu antara hak dan batil kerana dakwah Nabi telah tersebar serta diterima oleh orang Arab melalui kemasukan berduyun-duyun ke dalam agama Islam. Surah al-Fath merakamkan kejayaan orang-orang Islam selepas melalui ujian getir melalui Perjanjian Hudaibiyah yang membawa isyarat kejayaan menakluk kota Mekah, bumi kelahiran nabi dan orang-orang Muhajirin.

Namun begitu, masih terdapat ancaman yang sentiasa mengancam kekuatan orang-orang Islam iaitu Kerajaan Rom yang dikenali sebagai empayar terbesar dunia ketika itu selain daripada Kerajaan Parsi. Kaisar Rom menganggap bahawa kerajaan Islam pimpinan Rasulullah SAW adalah halangan kepada mereka untuk menguasai rantau Arab ketika itu.

Perang Tabuk berlaku rentetan dari Perang Mu'tah yang terjadi sebelumnya dalam tempoh masa kurang setahun. Di sebalik syahidnya tiga orang pahlawan Islam iaitu Zaid bin Harithah, Jaafar bin Abi Talib dan Abdullah bin Rawwahah, tentera Islam hasil kebijaksanaan strategi Khalid bin al-Walid berjaya mengukir-kacirkan tentera Rom sehingga mereka berundur kerana menyangka tentera Islam mendapat bantuan untuk memerangkap tentera Rom. Akhirnya pihak musuh berundur diri dengan tidak meneruskan perang tersebut.

Dalam perang Mu'tah ini, jumlah tentera Islam yang gugur syahid seramai dua belas orang sahaja. Walaupun catatan tidak menunjukkan jumlah sebenar tentera Rom yang terkorban, tetapi jumlahnya jauh lebih ramai berbanding tentera Islam.

Impak perang ini telah menimbulkan kebingungan dan kehairanan dalam kalangan orang-orang Arab terutama pihak Rom sendiri kerana sebagai kerajaan terkuat dunia ketika itu dengan kehebatan aspek ketenteraan tetapi dianggap tewas kepada jumlah tentera yang jauh lebih kecil. Ia dianggap juga sebagai pengukuhan dan permulaan kepada penaklukan negara-negara jajahan Rom kepada penguasaan Islam.

Kekalahan dalam perang Mu'tah memberi kesan yang besar kepada Kaisar Rom seolah-olah membayangkan kuasa Arab lain akan menuntut kemerdekaan daripada Rom untuk bergabung dengan orang-orang Islam. Ia turut mengancam sempadan negara Syam yang boleh dikuasai oleh orang Islam pada bila-bila masa. Melihat kepada kebarangkalian ini dan rasa gentar kebangkitan Islam, Kaisar mula melengkapkan bala tentera Rom dan orang-orang Arab Ghassan yang berada di bawah naungannya untuk melancarkan peperangan terhadap orang-orang Islam.

Berita ini sampai ke Madinah dan menimbulkan rasa gentar dan gusar orang-orang Islam. Setiap kali mendengar bunyi-bunyi pelik yang tidak pernah didengar sebelumnya, mereka menyangka tentera Rom mula datang menyerang. Malah Rasulullah SAW sendiri duduk bersendirian di biliknya dan meninggalkan isteri-isteri baginda selama sebulan.

Keadaan ini menggambarkan betapa gentingnya suasana yang sedang dihadapi oleh orang-orang Islam terhadap ancaman Rom. Orang-orang munafik di Madinah juga amat mengharapkan serangan ini berlaku dan sentiasa menanti kejatuhan kerajaan Islam Madinah pimpinan Rasulullah. Provokasi puak penentang ini dimulakan dengan pembinaan masjid Dhirar untuk tujuan melebarkan perpecahan dalam kalangan orang Islam. Mereka turut menawarkan kepada Rasulullah supaya bersembahyang di masjid tersebut. Tujuan sebenar mereka tidak lain dan tidak bukan hanya untuk menipu orang-orang Islam di samping berkomplot untuk melemahkan orang Islam itu sendiri.

Keadaan semakin gawat kerana saat itu juga berlakunya musim kemarau yang teruk. Penduduk Madinah berada dalam serba kekurangan akibat kekurangan bekalan. Sementara itu pokok kurma mula masak dan mengeluarkan hasil yang banyak mengakibatkan ada dalam kalangan orang-orang Islam lebih selesa berteduh di bawah pokok-pokok kurma mengutip hasil buah-buahan.

Melihat kepada ancaman yang disedari sendiri oleh Rasulullah ini menyebabkan baginda berfikir, bala tentera perlu digerakkan. Jika ditunda atau ditangguh tindakan memerangi Rom ini menyebabkan keadaan akan semakin genting. Tindakan bertahan di Madinah dan membiarkan serbuan tentera Rom akan menyebabkan keadaan semakin buruk. Semua ini masuk dalam pertimbangan Rasulullah SAW menyebabkan baginda memutuskan untuk terjun ke kancah peperangan yang bakal menjadi penentu jatuh atau banggunya Islam.

Baginda mengisytiharkan kepada para sahabat supaya bersedia menghadapi peperangan ini. Baginda turut mengajak kabilah-kabilah Arab dan penduduk Mekah untuk turut serta bersama tentera Islam, malah Nabi sendiri menitipkan semangat dan motivasi kepada para sahabat untuk turun berjihad fi sabilillah. Pada masa inilah turunnya sebahagian daripada surah al-Taubah (*al-Bara'ah*) yang menggalakkan umat Islam supaya sabar dan tabah dalam perjuangan.

Apabila semboyan jihad ditiupkan untuk Rasulullah dan tentera Islam memerangi Rom, para sahabat tangkas bangun mempersiapkan diri untuk berperang. Kabilah dan masyarakat Arab sekitarnya dari segenap penjuru datang ke Madinah, malah tiada yang menarik diri kecuali orang yang ada perasaan nifak dalam diri. Intipati ayat 92 surah al-Taubah adalah gambaran perasaan berkobar-kobarnya para sahabat walaupun tiada harta yang dinafkahkan dalam jihad tersebut. *"Dan tidak juga berdosa orang-orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu, mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran,*



*kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatupun yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah)".*

Antara harta yang dinafkahkan oleh para sahabat dalam memastikan misi jihad ini berjaya antaranya ialah beratus ekor unta, kuda, wang dirham, kurma dan sebagainya malah kaum muslimat memberi apa yang mereka mampu daripada harta mereka seperti gelang, rantai dan cincin.

Begitulah antara bentuk infaq dan persediaan yang dilakukan oleh orang-orang Islam. Lalu Rasulullah dan tentera Islam seramai 30 ribu orang mula bergerak menuju Tabuk jumlah terbesar dalam sejarah perang dalam Islam. Sampai di Tabuk, Rasulullah SAW berucap dengan penuh semangat kepada tentera Islam. Intipatinya mengandungi ayat-ayat al-Quran dan galakan bagi memperolehi kebaikan di dunia dan akhirat. Kata-kata yang penuh bersemangat ini menambah motivasi tentera Islam untuk berjuang menegakkan kalimah Tauhid. Dalam masa yang sama, tentera Rom semakin diburu ketakutan dan kebimbangan. Mereka tidak berani untuk ke hadapan dan bertembung dengan tentera Islam malah berpecah-pecah dalam kawasan sempadan negeri masing-masing.

Beberapa orang pemimpin negeri jajahan Rom datang memeteraikan perdamaian dengan kerajaan Islam Madinah dan bersetuju menyerahkan bayaran jizyah. Kabilah Rom yang selama ini berada di bawah ketuanan Rom mula berpindah kepada orang-orang Islam memulakan sejarah baru penguasaan Islam di bumi Rom.

Tentera Islam pulang ke Madinah dengan kemenangan dan pertolongan. Allah mencukupkan segala kemudahan tanpa perlu berperang walaupun pemergian ke Tabuk penuh dengan ujian dan cabaran. Berlaku satu peristiwa cubaan membunuh nabi dalam perjalanan pulang itu. Seramai 12 orang munafik yang turut sama dalam rombongan tersebut berkomplot untuk membunuh nabi dalam keadaan menutup muka mereka. Ketika Nabi dan dua orang sahabat iaitu Ammar dan Hudhayfah melalui lorong bukit, kumpulan munafik mengepung baginda lalu Rasulullah menyuruh Hudhayfah menyerbu dan memukul unta kumpulan munafik itu dengan tongkat baginda. Ini menyebabkan 12 orang munafik itu lari ketakutan dan menyelip masuk semula ke dalam kumpulan tentera Islam. Walaupun muka mereka tertutup, baginda mengetahui siapakah 12 orang yang cuba membunuh baginda lantas dikhabarkan kepada Hudhayfah nama-nama mereka. Melalui peristiwa ini Hudhayfah dikenali sebagai pemegang rahsia Rasulullah.

Rasulullah SAW keluar dari Madinah ke Tabuk dalam bulan Rejab dan kembali semula ke Madinah pada bulan Ramadhan. Misi Tabuk ini mengambil masa selama 50 hari iaitu 20 hari di Tabuk dan selebihnya ialah masa perjalanan pergi dan balik. Perang inilah yang terakhir disertai oleh Rasulullah SAW.

Hikmah besar melalui perang Tabuk ini ialah untuk Allah SWT membezakan antara orang-orang mukmin yang ikhlas berjuang dengan orang-orang munafik yang bersifat talem dua muka dan juga menyerlahkan sikap orang-orang Islam yang berat hati untuk berjihad bersama-sama Rasulullah SAW.

Benarlah firman Allah SWT yang bermaksud *Allah tidak sekali-kali akan membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada seorang (bercampur aduk mukmin dan munafik, bahkan ia tetap menguji kamu) sehingga ia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (beriman)...*(Surah Ali Imran: 179).

Impak Perang Tabuk ini turut mengaitkan kisah beberapa orang yang tidak menyertainya sama ada dari kalangan orang munafik mahupun dari kalangan sahabat yang benar-benar beriman tetapi keuzuran dan ketinggalan menyertainya tanpa alasan namun akhirnya Allah menerima taubat mereka. Adapun orang-orang munafik seramai 80 orang telah datang menemui nabi dengan memberikan pelbagai alasan, Rasulullah menerima alasan zahir mereka namun hakikat sebenar, Nabi SAW menyerahkannya kepada Allah untuk menentukannya.

Manakala tiga orang sahabat yang benar-benar beriman iaitu Ka'ab bin Malik, Murarah bin al-Rabi' dan Hilal bin Umayyah memilih untuk bercakap benar, lantas baginda mengarahkan para sahabat supaya tidak bertegur sapa dan menjalankan pemulauan terhadap mereka. Ia memberi kesan yang amat besar kerana kesalahan mengeneipkan perintah Allah dan rasulnya lantaran tidak berjihad bersama orang Islam yang lain. Bumi yang luas terasa sempit, semua penduduk Madinah tidak mempedulikan mereka, malah diperintahkan menjauhi isteri-isteri mereka. Selepas 50 hari, turunlah wahyu yang menyatakan penerimaan taubat mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud *"Dan (Allah menerima pula taubat) tiga orang yang ditangguhkan (penerimaan taubat mereka) hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka (kerana mereka dipulaukan) dan hati mereka pula menjadi sempit (kerana menanggung dukacita), serta mereka yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari dari (kemurkaan) Allah melainkan (kembali bertaubat) kepadaNya; kemudian Allah (memberi taufiq serta) menerima taubat mereka supaya mereka kekal bertaubat. Sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani"* (Surah al-Tawbah: 118)

Peperangan ini juga melebarkan pengaruh Islam keluar dari Semenanjung Tanah Arab. Ini membuktikan bahawa kekuatan senjata bukanlah satu-satunya kekuatan seperti yang difahami oleh Kerajaan Rom, tetapi kekuatan rohaniyah dan kekentalan fizikal yang dimiliki oleh orang-orang Islam menjadi faktor besar melonjakkan semangat jihad fisabilillah.

Analisis terhadap ayat-ayat al-Quran surah al-Tawbah (al-Bara'ah) merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Suasana Perang Tabuk
2. Tembelang orang-orang munafik
3. Kelebihan orang yang ikhlas berjihad
4. Penerimaan taubat orang yang beriman kerana keuzuran berperang